

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
(LEDANG)**

**TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 43**

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-**

- (a) hala tuju perancangan Kementerian terkait perkembangan aspek keselamatan jalan raya pasca Deklarasi Stockholm 2020 ; dan
- (b) kerjasama rentas Kementerian bagi memenuhi aspirasi Deklarasi Stockholm 2020.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pengangkutan serta agensi di bawahnya telah membangunkan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) 2022-2030 berpandukan Deklarasi Stockholm dan juga berdasarkan pemetaan yang telah dilaksanakan dalam dasar-dasar semasa Kerajaan seperti Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030, Dasar Automotif Negara, Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMP) 2021-2025, dan Malaysian ITS Blueprint. Pelan ini telah dibangunkan hasil kerjasama dan libat urus yang telah diadakan bersama pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta dan juga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).
2. PKJRM 2022-2030 telah menetapkan sasaran untuk mencapai pengurangan jumlah kematian akibat nahtas jalan raya sekurang-kurangnya pada kadar 50% pada tahun 2030. Hala tuju ini juga adalah selaras dengan Deklarasi Stockholm dan sasaran resolusi 74/299, Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), yang mengisytiharkan tahun 2021-2030, sebagai dekad tindakan keselamatan yang kedua sejurus tamatnya dekad yang pertama pada tahun 2020 yang lalu.

Sekian, terima kasih.